



21 Januari 2022
21 January 2022
P.U. (A) 15

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (INDUSTRI SKIM PERSARAAN SWASTA) (PINDAAN) 2022

CAPITAL MARKETS AND SERVICES (PRIVATE RETIREMENT SCHEME INDUSTRY) (AMENDMENT) REGULATIONS 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

**PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN
(INDUSTRI SKIM PERSARAAN SWASTA) (PINDAAN) 2022**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 139ZI Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Industri Skim Persaraan Swasta) (Pindaan) 2022.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2022.

Pindaan peraturan 10

2. Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Industri Skim Persaraan Swasta) 2012 [P.U. (A) 77/2012], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan peraturan 10 dengan peraturan yang berikut:

“Kewajipan dan tanggungjawab penyedia skim persaraan swasta

10. Penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan di bawah seksyen 139Q Akta hendaklah, dalam melaksanakan fungsinya dan pengurusan dan operasi skim persaraan swasta—

- (a) bertindak mengikut peruntukan dan waad surat ikatan, peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini dan mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya; dan
- (b) menjalankan apa-apa kewajipan atau tanggungjawab lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.”.

Pindaan peraturan 11

3. Subperaturan 11(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dalam masa dua bulan selepas permintaan itu diterima dan setelah pembayaran suatu jumlah yang munasabah sebagaimana yang ditentukan oleh penyedia skim persaraan swasta itu” dengan perkataan “dalam bentuk dan cara sebagaimana yang dinyatakan oleh Suruhanjaya”.

Pindaan peraturan 12

4. Peraturan 12 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan 12(1) dengan subperaturan yang berikut:

“12. (1) Seseorang pemegang amanah skim yang diluluskan di bawah seksyen 139zc Akta hendaklah, dalam menjalankan fungsinya dan pengurusan semua sekuriti, derivatif, harta dan aset suatu skim persaraan swasta di bawah jagaan dan kawalannya—

- (a) bertindak mengikut peruntukan dan waad surat ikatan, peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini dan mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya; dan
- (b) menjalankan apa-apa kewajipan atau tanggungjawab lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.”.

Pemotongan peraturan 13

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 13.

Pindaan peraturan 17

6. Subperaturan 17(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) nama, alamat dan butir-butir pasport atau apa-apa keterangan dokumen perjalanan anggota bukan warganegara Malaysia;”.